

# ورتا قنرغن

## Warta Penerangan



JUN 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



# Isi Kandungan

# Muka

Sekapur Sirih Pemangku Pengarah Penerangan	5
Warga Jabatan Penerangan bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri	6
Al-Quran ubat ketenangan jiwa	7-9
Suntik Semangat patriotisme dan sifat perpaduan pelajar	10-11
Perluaskan maklumat ASEAN melalui Jerayawara Kenali ASEAN	12
Taklimat menghayati bendera semai semangat patriotisme pelajar	13-14
Semai semangat patriotisme pelajar	14-15
Program Rakan Remaja Penerangan beri kesedaran sivik	16-17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Chung Ching Middle School didedahkan mengenai ASEAN	18-19
Jerayawara Kenali ASEAN semai semangat perpaduan penuntut	19-20
Jerayawara Kenali ASEAN beri pendedahan meluas	20-21
Taklimat Kenali ASEAN bantu perkembangan pembelajaran pelajar	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23
Penempatan kerja mahasiswa dan mahasiswi dari UNISSA	23

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



# Pemangku Pengarah Penerangan

Bismillahir Rahmannir Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil ‘Aalameen  
Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa’alaa  
‘Aalihie Wasahbihee Ajma’een.

**S**EGALA puji dan syukur kehadiran Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat Baginda, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Warga Jabatan Penerangan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala di atas limpah rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat bersama lagi pada tahun ini. Di kesempatan ini, peramba/saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Tahun 2017 kepada semua warga Jabatan Penerangan.

Setentunya, Hari Raya Aidilfitri disambut dengan penuh kemenangan bagi seluruh umat Islam setelah mengerjakan puasa di bulan Ramadan.

Banyak dugaan dan rintangan yang hebat dilalui sepanjang bulan Ramadan. Ketabahan dan kecekalan kita menguji sejauh mana kesabaran kita di dalam bulan Ramadan yang mulia ini.

Hari Raya Aidilfitri merupakan kesempatan terbaik untuk saling melupakan pertelingkahan dan perselisihan yang lalu. Inilah masanya kita mengukuhkan kerjasama di antara rakan sekerja. Ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini memberikan kegembiraan dan kebahagiaan kepada warga Jabatan Penerangan bersama ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai.

Peramba/saya berharap kita semua akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad*

kepada kita dengan jayanya. Kegembiraan yang dirasakan semasa Hari Raya Aidilfitri ini dijadikanlah sukut-sukat untuk abiskita semua terus bekerja dengan lebih tekun dan teruskan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan.

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,  
Dalam kelembutan lidah ada juga keterlanjuran kata  
Dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa.

Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir dan batin.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Mawardi bin Haji Mohammad  
Pemangku Pengarah Penerangan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam.



## Warga Jabatan Penerangan bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri

**D**ALAM keceriaan dan kegembiraan menyambut Hari Raya Aidilfitri berhimpun bersama keluarga dan saudara-mara tetapi ada sebahagian warga Jabatan Penerangan bertungkus-lumus menjalankan tugas dan amanah yang diberikan di pagi raya yang mulia itu. Warga Jabatan Penerangan yang bertugas sebagai jurugambar, pemberita dan Pegawai Perhubungan Media (MRO) di Istana Nurul Iman bermula dari Hari Raya Pertama hinggalah Hari Raya Keempat. Jauh di sudut hati ingin sekali bergembira bersama ahli keluarga tetapi tanggungjawab harus diutamakan demi Raja, negara, agama dan bangsa yang tercinta. Sekalung tahniah diucapkan kepada mereka yang komited dengan tugas masing-masing.





# Al-Quran ubat ketenangan jiwa

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Jun. - Pembacaan Al-Quran adalah amat digalakkan oleh agama Islam kepada umatnya bagi merebut ganjaran pahala yang ditawarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya di dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

“Al-Quran merupakan ubat bagi memberikan ketenangan jiwa dan hati kepada pembacanya dan jika sesiapa tidak membacanya maka akan rugilah mereka,” jelas Daie Bebas yang diberikan kebenaran oleh Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak semasa menyampaikan tazkirah ‘Keistimewaan Al-Quran’ pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak Yatim Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis sekali gus menyempurnakan penyampaian derma kepada anak yatim ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Majlis diadakan di Surau Jabatan Penerangan.

Sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk menggemirakan dan meringankan bebanan perbelanjaan keperluan anak-anak yatim serta sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Khatam Al-Quran secara beramai-ramai serta diikuti dengan bacaan Dikir Marhaban.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak Yatim Jabatan Penerangan 1438 Hijrah/2017 Masihi.*





**TURUT** hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.

**AWANG** Abdul Rahman bin Haji Ajak semasa menyampaikan tazkirah “Keistimewaan Al-Quran”.







*ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak Yatim Jabatan Penerangan 1438 Hijrah/2017 Masihi.*





## Suntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**K**UALA BELAIT, Selasa, 13 Jun. - Dalam Kusaha menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan dan pada masa yang sama juga mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut di negara ini.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang dihadiri oleh tenaga pengajar sekolah dan seramai lebih 300 penuntut dari sekolah berkenaan.

Jerayawara tersebut bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka merupakan golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama dua guru terlatih, Dayang Suriani binti Md. Yusof dan Ampuan Yuzliza binti Ampuan Haji Mumali, mereka berdua sama-sama berpendapat bahawa Jerayawara Kenali ASEAN yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan itu sangat baik terutama bagi pendekatan buat penuntut dan guru sendiri sebagai ulang kaji.



*SESI kuiz disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.*

Mereka berkata, taklimat yang disampaikan sangat-sangat bermaklumat untuk pengetahuan bagi penuntut Tahun 7 (*pre requisities*) sebelum topik diajarkan kepada mereka.

Sementara itu, Pelita Brunei juga menemu bual beberapa penuntut sekolah berkenaan mengenai kefahaman mereka mengenai taklimat yang disampaikan, bagi Awang Mohd. Nurazizie, penuntut Tahun 8D melahirkan rasa teruja dengan maklumat yang disampaikan.

“Saya mendapat ilmu pengetahuan dan sekali gus mengetahui beberapa maklumat mengenai negara ASEAN dan membuat saya berhasrat untuk mengunjungi dan melancong ke salah sebuah negara anggota ASEAN bersama kedua ibu bapa dan adik-beradik saya nanti.”



*SERAMAI lebih 300 orang penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Ali menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.*



Manakala bagi Dayang Nurfarahdilla binti Nek Hassmy, penuntut Tahun 7B pula berkata, selama ini beliau tidak mengetahui tentang ASEAN, setelah mendengarkan taklimat yang disampaikan ia telah menarik perhatiannya untuk mengetahui tentang ASEAN lagi.

Program yang diungkapkan sebagai salah satu usaha Jabatan Penerangan itu dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut sekolah mengenai ASEAN, dan untuk mengenal pasti sejauh mana penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan diikuti dengan sesi kuiz yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada pihak sekolah.



*PENUNTUT perempuan Sekolah Menengah Sayyidina Ali menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.*

# Perluaskan maklumat ASEAN melalui Jerayawara Kenali ASEAN

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**K**UALA BELAIT, Khamis, 1 Jun. - Penuntut sekolah menengah di negara ini adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara.

Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Chung Hwa Middle School.

Jerayawara yang diungkayahkan itu bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN dan dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Satu taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Yang antara lain dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN, diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada Pengetua Chung Hua Middle School.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di negara ini.

Hadir sama ialah timbalan pengetua serta guru-guru dari sekolah berkenaan dan seramai hampir 200 penuntut-penuntut Tahun 7, 8 dan 9 di sekolah berkenaan.



ANTARA 200 orang penuntut Chung Hwa Middle School yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan, JPM.



TAKLIMAT jerayawara Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



PENUNTUT-PENUNTUT Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Chung Hwa Middle School.



# Taklimat menghayati bendera semai semangat patriotisme pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**B**ELAIT, Isnin, 5 Jun. - Dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan meneruskan lagi Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para pelajar seterusnya menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pelajar yang telah berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah tersebut.

Juga hadir, guru-guru Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan.



*PEGAWAI Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang telah berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.*

*ANTARA pelajar lelaki yang menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.*





*ANTARA pelajar perempuan yang menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.*

## Semai semangat patriotisme pelajar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani / Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Jun. - Dalam usaha berterusan bagi menyemai semangat patriotisme serta menghormati dan menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini mengunyah Program Taklimat Kenegaraan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan.

Taklimat 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Di samping itu, para pelajar juga menyaksikan klip video 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara'.

Lebih 240 pelajar Tahun 7 yang hadir turut menyertai Kuiz Kenegaraan sejeurus selepas taklimat selesai.

Program berkenaan dihadiri oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan, Dayang Hajah Norashikin binti Abd. Rahman serta tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.



*TAKLIMAT Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.*



Sementara itu, Dayang Siti Irda Suriana binti Bujang dari Jabatan Melayu Islam Melayu, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, ketika ditemui Pelita Brunei menjelaskan, melalui taklimat seumpama ini, para pelajar boleh memperoleh faedah daripadanya iaitu membantu pelajar mengetahui mengenai latar belakang bendera dengan lebih mendalam dan jelas di samping mengetahui nama-nama bahagian atau reka bentuk yang terdapat pada panji-panji bendera.

Selain itu jelasnya, para pelajar juga boleh memahami pentingnya menghormati bendera negara dan dapat menanamkan semangat patriotisme di dalam diri pelajar dengan mengetahui kepentingan bendera serta mengetahui cara-cara atau langkah yang betul untuk mengibarkan bendera.



*SEBAHAGIAN dari 240 pelajar Tahun 7 semasa mendengar taklimat tersebut.*



*ANTARA pelajar Tahun 7 dan tenaga pengajar Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan hadir pada taklimat yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan.*

## Program Rakan Remaja Penerangan beri kesedaran sivik

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**G**ADONG, Selasa, 13 Jun. - Lebih 400 penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 Sekolah Menengah Katok menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh para penuntut yang hadir.

Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohammad Salleh dalam ucapannya menjelaskan mengenai objektif program tersebut yang antara lain untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa dan menanamkan semangat kenegaraan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Selain itu, program juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif serta mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Acara diteruskan dengan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, disusuli dengan tayangan video 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah', Kibarkanlah Bendera Negara Kitani' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan.

Program turut diserikan dengan persembahan bercorak keagamaan oleh penuntut sekolah berkenaan serta persembahan lawak jenaka dan Kuiz Kenegaraan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air.



*HADIR selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.*



*LAGU "Bulan Kerinduan" persembahan dari kakitangan Jabatan Penerangan.*

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan sijil dan hadiah kepada lima penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program Rakan Remaja Penerangan anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi penuntut sekolah dalam menyebarkan maklumat semasa.





**PERSEMBAHAN** lawak jenaka dan Kuiz kenegaraan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air.




**PENUNTUT** Sekolah Menengah Katolik semasa membuat persembahan Qusidah dan Doa Taubat.

## Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

**P**ADA 13 Jun 2000, dalam Majlis Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 mantan Pengarah Jabatan Penerangan Awang Abdul Ghani bin Pengiran Haji Metusin ada menjelaskan penglibatan Jabatan Penerangan secara langsung atau tidak di Persidangan APEC dan juga Tahun Melawat Brunei 2001 melambangkan perpaduan selaras dengan cita-cita kerajaan ke arah membentuk rakyat yang prihatin terhadap pembangunan rakyat dan taat setia kepada raja dan negara.

Ke arah itu, Jabatan Penerangan mempunyai matlamat utamanya untuk memberi penerangan yang luas dan mendalam menerusi kegiatan interpersonal ke arah rancangan-rancangan kerajaan untuk menjadikan masyarakat bermaklumat.



## Pedoman

**“Ya Allah Tuhan kami! turunkanlah kepada kami suatu hidangan dari langit yang pada hari turunnya akan menjadi Hari Raya bagi kami, iaitu bagi orang-orang yang ada bersama dan yang akan datang kemudian dan menjadi tanda kekuasaan-Mu. Dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki.”**  
**-(Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al Maa’idah, ayat 114).**

## Chung Ching Middle School didedahkan mengenai ASEAN

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

---

**S**ERIA, Selasa, 6 Jun. - Program Jerayawara Kenali ASEAN dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat tersebut dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Chung Ching Middle School.

Jerayawara membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Taklimat Kenali ASEAN dan Kuiz ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Temu bual Pelita Brunei bersama Guru IT Chung Ching Middle School, Amelina Shaliha Shahul Hameed berkata, “Ini merupakan peluang keemasan buat pelajar dan dalam menambah nilai ilmu mengenai ASEAN terutama dalam mata pelajaran Social Studies.”

Katanya lagi, taklimat disampaikan dengan bersahaja dan diselit dengan jenakarama oleh interaktor membuatkan taklimat menjadi lebih menarik dan pelajar menjadi terhibur dan seterusnya memperoleh ilmu.

Sementara itu, salah seorang penuntut Tahun 8 (Lily), Dayangku Nur Amalina Alin binti Pengiran Ayub berkongsi pendapat pendekatan Jabatan Penerangan mengenai taklimat yang disampaikan telah membantu beliau menambah pengetahuan mengenai ASEAN yang tidak diketahuinya sebelum ini.



*TAKLIMAT Kenali ASEAN dan Kuiz ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.*



*SEKITAR Taklimat Jerayawara ASEAN di Chung Ching Middle School, Seria.*



Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Seramai lebih 100 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan hadir di jerayawara tersebut.

## **Jerayawara Kenali ASEAN semai semangat perpaduan penuntut**

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**L**UMUT, Khamis, 8 Jun. - Jerayawara Kenali ASEAN bermatlamat untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Jerayawara dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI.

Kali ini, jerayawara diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkia (SM PAPHRSB) yang dihadiri lebih 500 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua SM PAPHRSB, Dayang Halizawati binti Kepli.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah tersebut, Dayang Nazli Noor binti Haji Marmin berkata, jerayawara tersebut merupakan satu inisiatif yang sangat baik terutama dari segi membantu pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai ASEAN dan negara-negara anggota di dalamnya.

Katanya lagi, "Taklimat yang disampaikan dapat membantu pelajar Tahun 7 dan 8 kerana mata pelajaran ASEAN termasuk dalam mata pelajaran 'Social Studies'. Saya harap usaha sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa."



*SESI kuiz disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.*

Awang Mohd. Nazmirol Faiz bin Mohd. Nazri, penuntut Tahun 9M berpendapat, taklimat yang disampaikan sangat bagus.

Jelasnya, dari penerangan yang disampaikan, beliau mendapat ilmu dan mengetahui beberapa lagi negara ASEAN yang lain terutama kenapa ia ditubuhkan, dan juga tempat-tempat menarik negara-negara ASEAN untuk dikunjungi.

Sementara itu, Dayang Nur Faizatul Elryane, penuntut Tahun 8 Marvellious 1, berpendapat taklimat ASEAN yang disampaikan sangat bermanfaat kerana telah menambah ilmu pengetahuan beliau mengenai ASEAN dengan lebih jelas.

"Saya sangat suka melancong, sejauh ini saya sudah sampai ke negara Malaysia, dengan adanya penerangan tadi saya berhasrat untuk mengajak ibu, abang dan adik saya melancong ke negara-negara ASEAN yang lain pula," ujarnya.



*PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah yang hadir pada Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di dewan sekolah berkenaan.*

## Jerayawara Kenali ASEAN beri pendedahan meluas

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**S**ERIA, Isnin, 5 Jun. - Jerayawara Kenali ASEAN bermatlamat untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para penuntut sekolah menengah di negara. Ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI mengadakan jerayawara berkenaan bertempat di Dewan Sekolah Saint Margaret's.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengetua sekolah tersebut, Liew Yong Kim yang juga seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Juga hadir, timbalan pengetua, guru-guru dan penuntut-penuntut di sekolah berkenaan.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Jabatan Bahasa Melayu dan MIB, Awang Muhd. Kulla bin Abdullah mengenai pendekatan serta usaha Jabatan Penerangan mengungkapkannya Jerayawara ASEAN, beliau berkata, pendekatan ke sekolah-sekolah seumpama itu adalah sangat baik dalam memberi pendedahan mengenai ASEAN sebagai ilmu tambah kepada pelajar selain menarik perhatian mereka untuk berkunjung dan melancong ke negara-negara ASEAN.

Katanya lagi, "Ini secara langsung mewujudkan komunikasi masyarakat ASEAN dalam kalangan pelajar sekolah ini, di samping penuntut tempatan dapat melihat perkembangan negara-negara ASEAN melalui tayangan projektor dan mempamerkan tarikan tempat-tempat menarik yang terdapat di negara-negara anggota ASEAN."





*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan semasa menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN yang berlangsung di Dewan Sekolah Saint Margaret's.*

*ANTARA guru-guru Sekolah Saint Margaret's yang hadir pada taklimat tersebut.*



*TAKLIMAT dihadiri oleh hampir 200 penuntut Sekolah Saint Margaret's.*

## Taklimat Kenali ASEAN bantu perkembangan pembelajaran pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**S**ERIA, Rabu, 14 Jun. - Menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan pelajar sekolah sebagai Satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. Itulah antara matlamat Taklimat Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI. Taklimat kali ini diadakan di Dewan Maktab Anthony Abell.

Hadir pada taklimat tersebut ialah Guru Kanan Pentadbiran maktab berkenaan, Awang Zulkifli bin Haji Seri dan tenaga pengajar dari maktab berkenaan.

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan diikuti dengan sesi Kuiz ASEAN yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman telah menarik perhatian lebih 250 para penuntut Maktab Anthony Abell yang hadir.

Semasa ditemu bual oleh pihak Pelita Brunei, Guru Kanan Pentadbiran maktab tersebut, Awang Zulkifli antara lain menjelaskan, “Taklimat yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan telah memberi maklumat serta pendedahan mengenai ASEAN dan turut membantu para pelajar dalam pembelajaran secara langsung khususnya bagi mata pelajaran Social Studies bagi Tahun 7 dan 8.”

Katanya lagi, menerusi sesi kuiz yang dijalankan dan juga ganjaran yang diberikan memberi peluang kepada para pelajar untuk lebih aktif dan bersemangat dalam mengaplikasikan pengetahuan mereka.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Jabatan Penerangan atas usaha dan kerjasama dalam membantu perkembangan pembelajaran para pelajar maktab dan berharap kerjasama baik seumpama itu akan berterusan pada masa akan datang.



*SESI Kuiz ASEAN dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.*



*TAKLIMAT dihadiri oleh lebih 250 penuntut Maktab Anthony Abell.*



## Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

KURSUS/TAKLIMAT/BENGGEL BULAN JUN 2017			
NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGGEL /SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
Dayang Jurainah binti Haji Jahit/ Jait	Juruteknik Foto Tingkat II	Kursus Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti	5-8 Jun 2017
Awang Syahi bin Haji Ludin	Juruteknik Foto Tingkat II	Kursus Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti	5-8 Jun 2017
Awang Muhammad Hafizhuddin bin Tasad	Juruteknik Foto Tingkat II	Kursus Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti	5-8 Jun 2017
Dayang Arme Suziley Santilah binti Mohd. Eriffin	Juruteknik Foto Tingkat II	Kursus Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti	5-8 Jun 2017
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini	Pegawai Penerangan Kanan	Suggestion Scheme	6-7 Jun 2017
Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad	Pegawai Pentadbir Tingkat I	Komunikasi Berkesan	6-8 Jun 2017
Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Pegawai Penerangan	Komunikasi Berkesan	6-8 Jun 2017
Dayang Nurzaharah binti Haji Osman	Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	14-15 Jun 2017
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	Bimbingan Penggerak Negara Zikir	20-21 Jun 2017


## Penempatan Kerja Mahasiswa dan Mahasiswi dari UNISSA

NAMA	JURUSAN	TARIKH PENEMPATAN
Dayang Sity Diyanatul-Widad binti Haji Ismat	Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah & Dakwah)	22 Mei-22 Julai 2017
Mohd. Amirul Hilmi bin Jali	Sarjana Muda Sains dan Kewangan Islam	22 Mei-21 Oktober 2017

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**